

22 AUG 2002

60 PERATUS KURSUS KUIM BABIT BIDANG SAINS, TEKNOLOGI DAN PERUBATAN

NILAI, 22 Ogos (Bernama) -- Sebanyak 60 peratus daripada kursus yang ditawarkan oleh Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) akan merujuk kepada bidang sains, teknologi, perubatan serta pengajian Islam pada peringkat ijazah pertama.

Pengerusi KUIM, Tan Sri Dr. Yusof Noor hari ini berkata 40 peratus lagi akan ditumpukan kepada pelbagai bidang penyelidikan peringkat sarjana dan doktor falsafah.

Beliau berkata KUIM bukan hanya akan mempertahankan imej kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC) menerusi pengajian Teknologi Maklumat, malah akan berusaha keras untuk melahirkan siswazah yang berdisiplin, berpandangan jauh serta bersifat sederhana.

"Usaha pembangunannya akan mengambil kira keperluan fizikal dan spiritual supaya kampus ini bukan sahaja akan mencerminkan kesucian agama Islam, malah juga menggambarkan sifat-sifat umat Islam yang sebenar iaitu toleransi, maju, moden dan progresif," katanya semasa berucap pada majlis pecah tanah KUIM yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tapak KUIM terletak di kawasan seluas 188 hektar di Bandar Baru Nilai, tidak jauh dari MSC dan ia akan dibangunkan dalam tiga fasa dan dijangka siap menjelang pertengahan 2004.

KUIM ditubuhkan dua tahun lepas dengan menawarkan empat fakulti iaitu Al-Quran dan Sunnah, Syariah dan Perundangan, Dakwah dan Pengurusan Islam serta Ekonomi dan Muamalat. Sehingga kini ia mempunyai 1,500 pelajar yang menuntut di kampus sementara di Kampung Pandan.

Seramai 255 pelajar perintis KUIM dijangka menamatkan pengajian pada bulan Mei tahun depan.

-- BERNAMA
AZH APG NMO